



KERATAN AKHBAR

| | | | | |
|--------------|---|------------------|------------|------|
| SURAT KHABAR | : | UTUSAN MALAYSIA | | |
| TARIKH | : | 22/4/2021 | MUKA SURAT | : 35 |
| JABATAN | : | KeTSA / TNB | | |
| KLASIFIKASI | : | PERHATIAN | | |

Berjaya tingkatkan kualiti perkhidmatan, kekal berdaya maju

KE-TSA puas hati dengan TNB

Oleh **NURFARAHIN HUSSIN**
farahin.hussin@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan berpuas hati dengan usaha Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengukuhkan perbekalan elektrik negara dalam usaha berterusan syarikat utiliti negara itu meningkatkan perkhidmatan dan memperkasa pengguna.

Menurut Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar Nasarah, adalah menjadi hasrat kerajaan supaya rakyat terus mendapat bekalan elektrik dengan harga yang berpatutan. Ujarnya, pada masa sama TNB perlu terus berdaya maju bagi menutuskan pelaburan modal dan mendapat pulangan setimpal yang boleh dikongsi dengan rakyat serta para pemegang sahamnya.

“Pengalaman daripada pandemik Covid-19 jelas menunjukkan TNB telah membuat pelbagai sumbangan dengan nilai yang amat besar bagi menguruskan bebanan rakyat.

“Pencapaian TNB meningkatkan kualiti bekalan elektrik dengan Sistem Indeks Purata Tempoh Gangguan (SAIDI) di Semenanjung menurun secara konsisten di bawah paras 60 minit sejak 2014 sehingga mencapai 44.95 minit pada tahun lalu harus dipuji.

“Walaupun SAIDI yang merupakan ukuran tempoh gangguan bekalan elektrik ini antara terendah di negara-negara Asia Tenggara dan sebilangan negara membangun, namun saya percaya TNB boleh melakukan lebih lagi,” katanya pada sesi lawatan

kerja ke TNB di Kompleks Ibu pejabat TNB, di sini.

Sepanjang tiga jam sesi lawatan, Shamsul Anuar diberikan taklimat mengenai pemodenan sistem Rangkaian Pembahagian TNB yang mengambil kira keperluan rakyat, rancangan pelaburan modal TNB untuk tempoh 2022 hingga 2024 serta taklimat ringkas mengenai Kampus Ibu Pejabat baharu TNB yang sedang dalam pembangunan.

Sementara itu, Pengerusi TNB, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, beliau yakin TNB dengan kekuatan lebih 35,000 warganya di bawah pimpinan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Datuk Ir. Baharin Din mampu terus menerangi negara selain melaksanakan program yang dirancang kerajaan.



SHAMSUL Anuar Nasarah (dua, kanan) mendengar penjelasan daripada Mahdzir Khalid (tengah) mengenai Projek Kampus Platinum TNB pada sesi lawatan kerja ke TNB di Bangsar, kelmarin.